

### **STUDENTS' PREPARATION FOR INDUSTRIAL TRAINING IN THE NORMS OF THE MOVEMENT CONTROL ORDER (MCO)**

#### **CABARAN PERSEDIAAN MAHASISWA MENJALANI LATIHAN INDUSTRI DALAM NORMA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

Athira Ayuni Asmadi<sup>i</sup>, Nuruul Hidayah Mansor<sup>ii</sup> & Siti Aishah Sokhibul Fadil<sup>iii</sup>

<sup>i</sup> (*Corresponding author*). Pensyarah, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Negeri Sembilan. athira866@uitm.edu.my

<sup>ii</sup> Pensyarah, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Negeri Sembilan. nuruul8413@uitm.edu.my

<sup>iii</sup> Pensyarah Kanan, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Negeri Sembilan. sitia833@uitm.edu.my

|                 |   |
|-----------------|---|
| <b>Abstract</b> | <p><i>Industrial Training (LI) is introduced in some program study plans under institutions of higher learning in Malaysia and has become a requirement for students to graduate. However, the opportunity to gain experience and skills through Industrial Training became limited when the Movement Control Order (MCO) proclamation in Malaysia began causing efforts to obtain LI placement can see as requiring hard work among students. Therefore, a study was conducted to identify the method and the level of capability of the LI placement search process by focusing on final year students of Diploma in Halal Management, UiTM Negeri Sembilan Branch, while assessing the level of readiness of students to face challenges to complete Industrial Training during Covid-19 pandemic crisis. The quantitative approach was used throughout the distribution of questionnaires to the respondents. The data obtained will be analyzed by statistical analysis using a combination of SPSS version 23.0 and Microsoft 2019 Excel Spreadsheet Software. The indicator used in the study was the elements of the search method for the placement of LI, the factors that drive the search efforts, and the preparation of students for LI. The findings of the study found to be able to impact efforts to help the development of training, skills, and professionalism of students to be in line with the needs of the Industrial Revolution 4.0 (IR4.0), Education 5.0, and Higher Technical and Vocational Education and Training (HTVET) even in the pandemic season Covid- 19.</i></p> <p>Keywords: <i>Industrial, Training, Covid-19, Halal, Management.</i></p> |
| <b>Abstrak</b>  | <p><i>Latihan Industri (LI) yang diperkenalkan dalam sesetengah pelan pengajian program di institusi pengajian tinggi di Malaysia telah menjadi syarat kepada mahasiswa untuk bergraduasi. Namun, peluang untuk mendapatkan pengalaman dan kemahiran melalui Latihan Industri menjadi terhad apabila bermulanya pengisytiharan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia menyebabkan usaha untuk mendapatkan penempatan LI juga dilihat memerlukan usaha yang gigih dalam kalangan mahasiswa. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kaedah dan tahap keupayaan proses pencarian penempatan LI dengan memberi tumpuan kepada mahasiswa tahun akhir Diploma Pengurusan Halal, UiTM Cawangan Negeri Sembilan di samping menilai tahap kesiapsiagaan mahasiswa menghadapi cabaran untuk menyelesaikan latihan industri ketika krisis pandemik Covid-19. Pendekatan</i></p>  |

|  |   |
|--|---|
|  | <p><i>kuantitatif digunakan dalam kajian ini melalui edaran Borang soal selidik kepada responden. Data yang diperolehi akan dianalisa secara analisis statistik dengan menggunakan kombinasi sistem SPSS version 23.0 dan Microsoft 2019 Excel Spreadsheet Software. Indikator utama dalam kajian ini adalah dengan menggunakan elemen kaedah pencarian penempatan LI, faktor yang mendorong usaha pencarian dan kebersediaan mahasiswa terhadap LI. Dapatan hasil kajian didapati mampu memberi impak kepada usaha untuk membantu pembangunan latihan, kemahiran dan profesionalisme mahasiswa agar selari dengan keperluan revolusi industri 4.0 (IR4.0), Education 5.0 dan Higher Technical and Vocational Education and Training (HTVET) walaupun di musim pandemik Covid-19.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Latihan, Industri, Covid-19, Pengurusan, Halal.</i></p> |
|--|---|

## PENDAHULUAN

Malaysia sekali lagi diisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berikutan gelombang kedua wabak COVID-19 bermula pada 13 Januari 2021 (Jabatan Perdana Menteri, 2021). Pengisytiharan ini menyebabkan banyak sektor perlu ditutup kembali bagi menyokong arahan kerajaan dalam memastikan pandemik COVID-19 ini dapat dibendung sekali lagi. Perkara ini memberi implikasi bukan hanya kepada sektor ekonomi malah tempiasnya melangkaui sehingga ke ruang lingkup pengajian di institusi pengajian tinggi. M Fakhru Halim (2020) mendapati proses permohonan penempatan Latihan Industri (LI) kepada mahasiswa di Institut Pengajian Tinggi (IPT) menjadi terbatas kepada sektor tertentu berikutan penerimaan organisasi amat terhad untuk pengambilan LI ketika ini.

Mahasiswa Diploma Pengurusan Halal (DPH) di UiTM Cawangan Negeri Sembilan merupakan antara yang turut terkesan dengan krisis yang melanda dunia ketika ini. Hal ini disebabkan oleh sektor seperti bidang pembuatan, perkilangan, perkhidmatan, perdagangan dan pemprosesan serta pengedaran pelbagai produk atau perkhidmatan (Jabatan Perdana Menteri, 2021) diklasifikasikan sebagai kumpulan *essential economic sector* yang perlu diutamakan dalam pemilihan penempatan LI.

Meskipun dalam situasi pandemik COVID-19 menjadi salah satu faktor kemelesetan ekonomi negara pada ketika ini, mahasiswa DPH masih tertakluk kepada syarat program untuk menjalani LI dalam tempoh lapan minggu bagi melengkapkan pengajian mereka. Perkara ini dilihat sebagai satu cabaran baru kepada mahasiswa DPH untuk berusaha mencari penempatan dan menyelesaikan LI dalam lanskap norma baharu. Sehubungan dengan itu, langkah proaktif dan strategi tambahan perlu dirangka oleh pihak yang terlibat terutamanya pihak pengurusan program dalam usaha membantu mahasiswa menjalani LI pada tempoh pandemik ini agar dapat dilaksanakan dengan baik serta lancar.

Menurut Mesheta Mohd Noor & Norazah Abdullah (2020), kesalahan atau pemilihan penempatan LI yang tidak tepat akan menimbulkan pelbagai masalah dalam organisasi. Maka, pengalaman LI di industri adalah perkara yang amat penting memandangkan mahasiswa DPH berpeluang mempraktikkan segala ilmu atau teori yang dipelajari ke dalam industri. Oleh yang demikian, pemilihan penempatan LI pada saat negara berhadapan dengan pandemik COVID-19 ini bukan sahaja perlu dibebankan di atas bahu mahasiswa DPH sahaja, tetapi turut memerlukan kerjasama pelbagai pihak dalam melancarkan proses pencarian penempatan dan sebagainya.

Transformasi pendidikan dunia kini yang semakin terarah kepada pendidikan teknologi digital kian bergerak sangat pantas seiring pengenalan era revolusi industri 4.0 (IR4.0) yang bukan bermatlamat untuk melahirkan mahasiswa tertumpu kepada kebolehan belajar sepanjang hayat sahaja tetapi mempunyai set kemahiran menyeluruh dan berkebolehan menangani sebarang perubahan pantas yang bakal berlaku dalam dunia semasa. Menurut Akmal Ariff Jamhari et. al., (2020), mahasiswa perlu mengambil peluang sepanjang tempoh menjalani LI untuk meningkatkan pelbagai kemahiran diri bagi menghadapi transformasi IR4.0 ini. Keperluan ini juga penting kerana ia bertepatan

dengan Dasar yang dirangka melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015-2025) untuk melahirkan graduan berkualiti dan memenuhi keperluan semasa industri. Peningkatan jumlah bilangan mahasiswa di Malaysia yang bergraduasi saban tahun menyebabkan permintaan terhadap tenaga kerja dari pelbagai bidang kritikal termasuklah bidang pengurusan halal, pengurusan Islam dan pensijilan halal mendapat permintaan yang tinggi (Puteri, 2018). Keperluan ini telah membuka peluang yang besar dan cerah kepada program DPH untuk mendapat tempat dalam industri walaupun dalam tempoh kritikal ini.

Justeru mahasiswa DPH perlulah mengambil inisiatif dalam menyusun strategi dan berusaha dengan sebaiknya untuk mendapatkan penempatan di industri. Perkara yang perlu diakui adalah melalui penyertaan mahasiswa dalam industri ini bukan sahaja dilihat memberi peluang pengalaman dan peningkatan kemahiran kepada pelajar tetapi mempunyai nilai tambah yang begitu besar kepada pelbagai pihak. Menerusi LI juga pelbagai kerjasama boleh dijalinan antara industri dan juga institusi pendidikan. Ini dapat memberikan peluang yang lebih besar kepada proses permohonan penempatan kepada mahasiswa program di masa akan datang. Menerusi LI juga ia dilihat menjadi satu platform untuk mahasiswa menerapkan nilai-nilai kerohanian dan nilai murni dalam sesuatu organisasi. Demikian, siap siaga mahasiswa untuk mendapatkan penempatan LI yang bersesuaian dengan bidang amat digalakkan. Namun kepelbagaian luar bidang turut perlu diraikan kerana pengalaman yang bakal diperolehi di setiap industri atau syarikat mempunyai nilai yang tidak boleh diukur secara objektif.

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti kaedah yang digunakan oleh mahasiswa DPH untuk mencari penempatan LI pada musim pandemik ketika ini. Seterusnya menilai tahap keupayaan proses pencarian penempatan LI serta menilai persediaan mahasiswa menghadapi cabaran menyelesaikan latihan industri ketika negara berada dalam krisis pandemik COVID-19. Kajian ini dilihat penting kerana ianya memberi impak dalam aspek pengurusan jabatan, akademik, kemahiran dan pengalaman mahasiswa serta pengukuran hasil pencapaian program agar relevan dengan keperluan semasa.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Pengumpulan maklumat dan bahan dalam kajian ini menggunakan data sekunder untuk saling menghubungkan maklumat yang berkaitan dengan kajian dan data primer sebagai data utama analisis kajian melalui pembinaan set soal selidik.

### **Bahan dan Kaedah Persampelan**

Persampelan responden dipilih secara khusus kepada pelajar tahun akhir Diploma Pengurusan Halal UiTM Cawangan Negeri Sembilan yang wajib menjalankan Latihan Industri pada tempoh PKP ini. Kaedah ini diguna pakai kerana tertakluk kepada jumlah maksimum bilangan sampel yang telah dipilih untuk kajian ini. Sebanyak 40 set soal selidik telah diedar secara atas talian melalui perkongsian pautan yang boleh diakses oleh pelajar menggunakan platform google form. Kebolehpercayaan edaran data turut dijaga dalam kajian ini melalui perkongsian pautan hanya kepada 40 responden yang diperlukan dengan cara memasukkan semua 40 nama responden khusus di dalam set soal selidik tersebut.

Umat Islam disaran agar sentiasa membina landasan takwa dengan melalui pelbagai unsur pendidikan berdasarkan kepada pengisian dalam penafsiran al-Quran. Hakikatnya, senario dalam masyarakat umat Islam pada hari ini cukup menyedihkan dengan kehinaan dan kemunduran yang berlaku (Shaikh Ali Mohammad Mokhtar, 1997). Ia turut melingkari dalam setiap ruang-ruang dalam kehidupan manusia. Sifat ketakwaan perlu disemai dalam sanubari umat Islam dengan mendampingi para alim ulama. Mengikuti pengajian tafsir al-Quran yang dianjurkan oleh masjid-masjid dapat membantu umat Islam dalam membentuk keperibadian unggul agar menjadi sempurna. Corak dalam sesuatu kejayaan umat Islam adalah bermula daripada pembentuk diri melalui sumber yang terdapat dalam penafsiran al-Quran agar umat Islam dapat memahaminya dengan jelas serta dapat mengamalkannya.

### Struktur dan Bentuk Soalan

Struktur soal selidik dibahagikan kepada empat konstruk utama iaitu maklumat latar belakang responden, maklumat penempatan latihan industri, pengkhususan kerja di penempatan latihan industri dan pengukuran tahap keupayaan serta kesiapsiagaan responden. Subkonstruk instrumen dibina menggunakan kombinasi bentuk soalan terbuka dan tertutup kerana setiap soalan dibina mengikut kesesuaian dan keperluan jawapan yang diperlukan oleh kajian. Pemilihan skala likert interval 5 aras secara menaik digunakan dalam instrumen; 1=aras skala paling lemah sehingga 5= aras skala paling kuat.

### Analisis Data

Semua maklumat dan data dianalisis secara induktif dalam mencapai objektif kajian. Data dimasukkan ke dalam sistem SPSS Version 23.0 dan dianalisis secara analisis statistik melalui kombinasi sistem SPSS version 23.0 dan Microsoft 2019 Excel Spreadsheet Software. Data diolah ke dalam bentuk jadual dan diinterpretasikan berdasarkan frekuensi, peratusan, Min dan korelasi.

### DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini dianalisis mengikut indikator sub-konstruk instrumen atau pemboleh ubah. Setiap dapatan diolah sebagai hasil dapatan kajian. Konstruk utama dipecahkan kepada empat bahagian; iaitu demografi responden, keupayaan responden mencari penempatan LI, tumpuan bidang kerja di penempatan LI dan perbincangan dapatan.

### Demografi Responden

Seramai 40 responden bersasar telah menjawab soal selidik ini yang terdiri daripada 15 orang (37.5%) mahasiswa lelaki dan 25 orang (62.5%) pelajar perempuan. Seterusnya, bagi negeri yang menempatkan LI kepada mahasiswa DPH menunjukkan negeri Selangor adalah yang tertinggi dengan 15 orang (37.5%), diikuti dengan Melaka seramai lima orang (12.5%) serta negeri Kelantan dan Perak adalah sama iaitu empat orang bagi setiap negeri (10%). Pengalaman bekerja juga di ambil kira iaitu seramai 21 responden mempunyai pengalaman bekerja berbanding 19 responden lagi tiada pengalaman bekerja berdasarkan Jadual 1.

Jadual 1: Latar Belakang Responden

| Item                           | Kekerapan | Peratus |
|--------------------------------|-----------|---------|
| <b>1. Jantina</b>              |           |         |
| Lelaki                         | 15        | 37.5    |
| Perempuan                      | 25        | 62.5    |
| <b>2. Negeri Penempatan LI</b> |           |         |
| Kedah                          | 3         | 7.5     |
| Kelantan                       | 4         | 10      |
| Melaka                         | 5         | 12.5    |
| Negeri Sembilan                | 1         | 2.5     |
| Pahang                         | 1         | 2.5     |
| Perak                          | 4         | 10      |
| Pulau Pinang                   | 2         | 5       |
| Selangor                       | 15        | 37.5    |
| Terengganu                     | 1         | 2.5     |
| Sabah                          | 1         | 2.5     |

|                            |           |              |
|----------------------------|-----------|--------------|
| Sarawak                    | 2         | 5            |
| W.P. Kuala Lumpur          | 1         | 2.5          |
| <b>3. Pengalaman Kerja</b> |           |              |
| Pernah                     | 21        | 52.5         |
| Tidak pernah               | 19        | 47.5         |
| <b>Jumlah</b>              | <b>40</b> | <b>100.0</b> |

### Keupayaan Responden Mencari Penempatan Latihan Industri (LI)

Jadual 2 menunjukkan kekerapan dan peratusan kepada keupayaan responden mencari penempatan LI yang dipecahkan kepada tiga item. Item 1 adalah tahap keupayaan mencari penempatan LI menunjukkan 52.5% di tahap sederhana dan diikuti 25% untuk sukar dan 17.5% sangat sukar. Seterusnya, item 2 merujuk kepada kaedah pemilihan penempatan LI yang dilakukan oleh responden menunjukkan tiga kaedah utama yang dilakukan oleh responden sebanyak 33.3% berhubung melalui telefon diikuti oleh 25.4% melalui e-mel dan 23.7 melalui website/blog/link. Manakala dapatan item 3 menunjukkan faktor yang mempengaruhi pemilihan penempatan LI adalah 25.6% disebabkan pandemik Covid-19, 24.9% mengikut bidang dan 21.5 adalah disebabkan berdekatan dengan rumah.

Jadual 2: Keupayaan Responden Mencari Penempatan Latihan Industri (LI)

| Item   | Kekerapan  | Peratus      |
|--|------------|--------------|
| <b>1. Tahap keupayaan mencari tempat LI</b>            |            |              |
| Sangat sukar   | 7          | 17.5         |
| Sukar  | 10         | 25.0         |
| Sederhana  | 21         | 52.5         |
| Mudah  | 2          | 5.0          |
| Sangat mudah   | 0          | 0.0          |
| <b>Jumlah</b>  | <b>40</b>  | <b>100.0</b> |
| <b>2. Kaedah pemilihan penempatan LI</b>               |            |              |
| Website/blog/link                                      | 27         | 23.7         |
| Lawatan bersemuka ke penempatan                        | 15         | 13.2         |
| Berhubung melalui telefon                              | 38         | 33.3         |
| Berhubung melalui emel                                 | 29         | 25.4         |
| Surat menyurat   | 4          | 3.5          |
| Temuduga atas talian                                   | 1          | 9            |
| <b>Jumlah</b>  | <b>114</b> | <b>100.0</b> |
| <b>3. Faktor yang mempengaruhi proses pencarian LI</b> |            |              |
| Pandemik COVID-19                                      | 31         | 25.6         |
| Berdekatan dengan tempat kediaman                      | 26         | 21.5         |
| Berkaitan dengan bidang                                | 29         | 24.0         |
| Elaun  | 12         | 9.9          |

|                       |            |              |
|-----------------------|------------|--------------|
| Pengangkutan          | 16         | 13.2         |
| Rakan sekerja         | 2          | 1.7          |
| Fasiliti asrama       | 2          | 1.7          |
| Tahap kesukaran kerja | 3          | 2.5          |
| <b>Jumlah</b>         | <b>121</b> | <b>100.0</b> |

### Persediaan Responden Sebelum Menjalani Latihan Industri (LI)

Bahagian ini akan menganalisa dapatan berdasarkan jadual 3.3 (a) yang menggunakan kaedah skor min likert tiga min bertujuan untuk menginterpretasi tahap persediaan responden sebelum menjalani LI dari aspek keperluan sebelum menjalani LI, pemahaman terhadap penyediaan resume, persediaan dari aspek rekod dokumentasi LI serta fizikal dan mental.

Jadual 3 (a): Interpretasi Skor Min Skala Likert Tiga Min

| Nilai Skor Min | Tahap     |
|----------------|-----------|
| 1.00 – 2.50    | Rendah    |
| 2.51 – 3.50    | Sederhana |
| 3.51 – 5.00    | Tinggi    |

Secara keseluruhannya, merujuk jadual 3 (b) adalah persediaan pelajar sebelum menjalani LI berada pada tahap interpretasi tinggi iaitu dengan min keseluruhan 3.98. Bagi item 8 berkaitan pengetahuan keperluan sebelum menjalani LI menunjukkan interpretasi tinggi dengan min 3.55. Begitu juga interpretasi tinggi dengan min 4.27 pada item 9 mengenai kefahaman cara penyediaan resume. Seterusnya, merujuk kepada item 10 dan 11 yang menggunakan penilaian skala likert yang sama mendapati skor min: 4.10 bagi persiapan mental dan fizikal lebih tinggi daripada skor min 3.98 bagi penyediaan rekod.

Jadual 3 (b): Persediaan Responden Sebelum Menjalani Latihan Industri

| Item   | STM |     | TM |     | TP |      | Mengetahui |      | SM |      | Jumlah |      | Int.   |
|--|-----|-----|----|-----|----|------|------------|------|----|------|--------|------|--------|
|  | K   | %   | K  | %   | K  | %    | K          | %    | K  | %    | SP     | Min  |        |
| <b>Item 8:<br/>Mengetahui<br/>keperluan<br/>sebelum<br/>menjalani LI</b> | 1   | 2.5 | 2  | 5.0 | 15 | 37.5 | 18         | 45.0 | 4  | 10.0 | .846   | 3.55 | Tinggi |
| Item   | SL  |     | L  |     | TP |      | Baik       |      | SB |      | Jumlah |      | Int.   |
|  | K   | %   | K  | %   | K  | %    | K          | %    | K  | %    | SP     | Min  |        |
| <b>Item 9:<br/>Memahami<br/>cara<br/>penyediaan<br/>resume</b>           | 0   | 0.0 | 0  | 0.0 | 3  | 7.5  | 23         | 57.5 | 14 | 35.0 | .599   | 4.27 | Tinggi |
| Item   | STS |     | TS |     | TP |      | Bersedia   |      | SS |      | Jumlah |      | Int.   |
|  | K   | %   | K  | %   | K  | %    | K          | %    | K  | %    | SP     | Min  |        |

|  |   |     |   |     |    |      |    |      |    |      |             |             |               |
|--|---|-----|---|-----|----|------|----|------|----|------|-------------|-------------|---------------|
| <b>Item 10:<br/>Persediaan<br/>rapi<br/>berkaitan<br/>fail dan<br/>rekod<br/>kursus LI</b> | 0 | 0.0 | 0 | 0.0 | 10 | 25.0 | 21 | 52.5 | 9  | 22.5 | .698        | 3.98        | Tinggi        |
| <b>Item 11:<br/>Persediaan<br/>fizikal dan<br/>mental</b>                                  | 0 | 0.0 | 1 | 2.5 | 7  | 17.5 | 19 | 47.5 | 13 | 32.5 | .778        | 4.10        | Tinggi        |
| <b>Min keseluruhan</b>   |   |     |   |     |    |      |    |      |    |      | <b>.730</b> | <b>3.98</b> | <b>Tinggi</b> |

Nota: K-Kekerapan, SP-Sisihan Piawai, STM- Sangat Tidak Mengetahui, TM- Tidak Mengetahui, TP- Tidak Pasti, SM- Sangat mengetahui, SL- Sangat Lemah, L- Lemah, SB- Sangat Baik, STS- Sangat Tidak Bersedia, TS- Tidak Bersedia, SS- Sangat Bersedia, Int- Interpretasi.

### PERBINCANGAN

Kajian mendapati bahawa mahasiswa DPH masih berpeluang menjalani LI walaupun negara mengisytiharkan penutupan dan membataskan operasi beberapa sektor yang berkaitan dengan bidang program mereka. Antara sektor yang dibenarkan adalah sektor pengilangan dan pembuatan, perkhidmatan, perdagangan, pengedaran, dan lain-lain seperti yang telah digariskan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, 2021).

Walaupun tahap keupayaan mahasiswa DPH dalam proses mendapatkan penempatan LI berada di tahap sederhana disebabkan faktor pandemik COVID-19, berkaitan bidang dan lain-lain; namun hal ini tidak mematahkan semangat mahasiswa DPH untuk terus mencari dengan membuat persediaan rapi dalam aspek resume dan dokumentasi yang berkaitan serta pelajar dilihat sentiasa bersedia dari sudut mental dan fizikal sebelum menjalani LI sebenar. Malahan, mereka juga didedahkan kemahiran tambahan mengikut garis panduan keperluan HTVET dan IR4.0 bagi menampung keperluan dan kehendak organisasi di industri terlibat.

### PENUTUP

Secara kesimpulannya kajian ini jelas menunjukkan bahawa pandemik COVID-19 memberi implikasi yang besar kepada Mahasiswa DPH bagi proses mendapatkan penempatan LI. Mereka perlu menggunakan pelbagai kaedah yang cepat dan mudah seperti berhubung melalui website, telefon dan emel bagi mendapatkan maklumat penempatan LI yang sesuai sebelum membuat permohonan. Seterusnya, mahasiswa DPH perlu meningkatkan kemahiran yang bersesuaian dengan keperluan di industri bagi meningkatkan tahap keupayaan mereka dalam proses pencarian penempatan LI. Apabila kemahiran tambahan diperolehi secara tidak langsung mereka dalam keadaan bersedia menjalankan proses permohonan sehingga mendapatkan penempatan LI mengikut bidang.

Tambahan pula, kepelbagaian bidang kerja dalam pemilihan penempatan LI juga turut dititikberatkan bagi membantu mahasiswa DPH dalam proses mengeksplorasi bidang pengajian. Penyelidik juga mencadangkan supaya pihak fakulti sentiasa mengambil peluang bagi membantu mahasiswa DPH dalam menangani proses pencarian penempatan LI bagi kes-kes yang boleh menyukarkan proses pencarian penempatan LI terutamanya apabila pengisytiharan PKP diumumkan sekali lagi.

## **RUJUKAN**

### **Buku**

Kementerian Pendidikan Malaysia. 2015. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)*. Kementerian Pendidikan Malaysia, 2025(1).

### **Jurnal**

Akmal Ariff Jamhari, Siti Hajar Abd Razak, Nur Anis Karim Mohamad, Mohamad Izzuan Mohd Ishar. 2020. *Persediaan Rakyat Malaysia Dalam Merealisasikan Matlamat Revolusi Industri 4.0*. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 5(10).

Mesheta Mohd Noor dan Norazah Abdullah. 2020. *Persepsi majikan terhadap pelajar Kolej Komuniti Jempol semasa menjalani latihan industri*. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences, 3(4).

Muhammad Rafii Ibrahim, Lee Wei Cong, Lui Dickson, Mohamad Izzuan Mohd Ishar. 2020. *Kesedaran Pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Tentang Pengangguran di Malaysia Akibat Daripada Revolusi Industri 4.0*. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 5(8).

Muzafar Mat Yusof dan Nur Hidayah Mohiddin. 2018. *Refleksi Pelajar Terhadap Keberkesanan Kursus Latihan Industri: Kajian Kes Pelajar Politeknik Muadzam Shah*. Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education, 2(2).

### **Internet**

Jabatan Perdana Menteri. Teks Perutusan PKP Yang Amat Berbahagia Perdana Menteri Januari 2021. <https://www.pmo.gov.my/wp-content/uploads/2021/01/TEKS-PKP-YAB-PM-JAN-2021.pdf> (diakses pada 20 Ogos 2022).

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Senarai Perkhidmatan Perlu yang Dibenarkan Beroperasi. [https://www.miti.gov.my/miti/resources/Infographic/Senarai\\_Perkhidmatan\\_Perlu\\_yang\\_Dibenarkan\\_Beroperasi.pdf](https://www.miti.gov.my/miti/resources/Infographic/Senarai_Perkhidmatan_Perlu_yang_Dibenarkan_Beroperasi.pdf) (Diakses pada 20 April 2021).

M. Fakhru Halim. Covid-19 Sempitkan Peluang Pelajar Buat Latihan Industri. <https://www.malaysiakini.com/news/533039> (Diakses pada 22 April 2021).

Noor Azizah Mokhtar dan Ilah Hafiz Aziz. Pelajar Latihan Industri Tanggungjawab Majikan. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/11/749596/pelajar-latihan-industri-tanggungjawab-majikan> (Diakses pada 22 April 2021).

Puteri. Cabaran Nak Penuhi Jurang 80% Permintaan Produk Halal Dunia. <https://www.majalahlabur.com/kewangan/cabaran-penuhi-jurang-80-permintaan-produk-halal-dunia/> (Diakses pada 22 April 2021).

### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*